



**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI**  
**DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
*Secretary General*  
*Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs*  
Aras 11 (Menara), No. 13  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 8882 5555/5553  
Faks: 603 8882 5566  
Laman Web: [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)  
E-mel: [ksu@kpdnhep.gov.my](mailto:ksu@kpdnhep.gov.my)

Ruj. Kami: KPDNKK.600-4/1/19(28)  
Tarikh: 30 September 2021

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **ARAHAN PENGAWAL BEKALAN DI BAWAH PERATURAN 12A, PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN 1974 [P.U.(A) 103/1974] BERHUBUNG AKTIVITI PEMBUNGKUSAN SEMULA GULA PUTIH BERTAPIS UNTUK JUALAN DOMESTIK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, adalah dengan ini diarahkan bahawa mana-mana **pemegang lesen barang kawalan berjadual bagi produk gula** yang bercadang untuk menjalankan aktiviti **pembungkusan semua gula putih bertapis untuk jualan domestik** hendaklah mendapatkan **kebenaran bertulis** daripada Pengawal Bekalan.
3. Sehubungan dengan itu, permohonan aktiviti pembungkusan semula gula putih bertapis hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Pengawal Bekalan.
4. Sila ambil maklum bahawa kegagalan untuk mematuhi arahan Pengawal Bekalan ini merupakan suatu kesalahan dan menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].
5. Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2021**.

.../2-



CERTIFIED TO ISO 9001:2008




6. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan juga adalah dipohon untuk mengembalikan Borang Akuan Pengesahan Penerimaan seperti di **Lampiran B** kepada Kementerian ini selewat-lewatnya pada 15 November 2021 untuk rekod dan penyelarasan Kementerian selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD)**

Pengawal Bekalan

s.k.

P(BPGK)

Pengarah KPDNHEP Negeri